

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate in Takaful myMortgage. Be sure to also read the general terms and conditions.

1. What is this plan about?

- * This is a single contribution individual family takaful plan which provides Takaful protection with decreasing sum covered throughout the certificate years. It pays the sum covered upon death or Total and Permanent Disability ("TPD") of the person covered.
- * Upon surrender of the certificate, any balance of the Participant Account ("PA") after deducting the surrender charge will be payable.
- * At maturity of the certificate, any balance in the PA will be payable.

2. What are the Shariah concepts applicable?

This plan applies the following Shariah concepts:

- Tabarru'** means donation for charitable purposes. Under this plan, the participant donates a portion of the contribution to the Participant Special Account ("PSA") to help other participants.
- Wakalah** refers to a contract where a party, as principal authorizes another party as his agent to perform a particular task on matters that may be delegated, with or without the imposition of a fee. Under this plan, the participant authorizes Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia", "We", "Our" or "Us") to manage the PA and PSA. In return, Takaful Malaysia will receive a Wakalah fee.
- Ju'alah** refers to a contract where a party offers a specified reward to another party who achieved a determined result. Under this plan, the participant allows Takaful Malaysia to receive a portion of investment profit arising from the PA as a performance incentive for Takaful Malaysia's achievement in managing the PA which results in the profit.
- Qard** refers to a contract of lending money by a lender to a borrower where the latter is bound to repay an equivalent replacement amount to the lender. Under this plan, Takaful Malaysia will lend an amount of money to the PSA without interest if the PSA is in deficit.
- Hibah** refers to a transfer of ownership of an asset from a donor to a recipient(s) without any consideration. Under this plan, the nominee(s) may receive the benefits payable based on Hibah if the nominee(s) is/are a beneficiary(ies) under conditional Hibah.

3. What are the covers / benefits provided?

- * This plan provides sum covered for death or TPD during the coverage term.
- * Please refer to the 'Schedule of Sum Covered' in your certificate for the sum covered payable if a valid claim event occurs.
- * Please refer to your certificate for the duration of cover.

4. How much contribution do I have to pay?

- * The total contribution due and the certificate terms may vary depending on Our underwriting requirements.
- * Contribution duration: Single contribution at the inception of the certificate.
- * Please refer to your certificate for the estimated single contribution to be payable.

5. What are the fees and charges that I have to pay?

- * Wakalah fee for the payment of commission / administration fee and other expenses.
- * Surrender charge of RM100 upon surrendering the certificate.
- * Please refer to your certificate for the amount of fees and charges under this plan.

6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- * **Duty of Disclosure** - Duty of Disclosure - Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, if you are applying for this plan wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make any misrepresentation in answering the questions in the proposal form (or when you apply for this plan). You must answer the questions fully and accurately. Failure to take reasonable care in answering the questions may result in voidance of your contract of, refusal or reduction of your claim(s), change of the terms or termination of your contract of Takaful. The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of Takaful is entered into, varied or renewed with Us. In addition to answering the questions in the proposal form (or when you apply for this plan), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to Our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied. You also have a duty to tell Us immediately if at any time after your contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with Us any of the information provided in the proposal form (or when you applied for this plan) is inaccurate or has changed.
- * **Free-look Period** - You may cancel this plan by returning the certificate within fifteen (15) calendar days after the certificate has been received by you. The contributions that you have paid (less any medical fee incurred) will be refunded to you. Cancellation of this plan is subject to consent from the master certificate owner.
- * Any amount owed to Takaful Malaysia will first be deducted from the benefits payable.

Note:

The above list is non-exhaustive. Please refer to your certificate for the full list of terms and conditions under this plan.

7. What are the major exclusions under this plan?

- * Death
 - * Suicide, while sane or insane, within the first (1) year from the effective date.
- * TPD
 - * TPD that existed prior to or on the effective date;
 - * Is resulting directly or indirectly from any of the following causes:
 - * attempted suicide or self-inflicted injuries, while sane or insane;
 - * aviation, gliding or any other form of aerial flight other than as a pilot, cabin crew or fare paying passenger of a recognised airline or charter service;
 - * war (whether war be declared or not), revolution or any war like operation;
 - * any violation of law by the person covered or any assault or felony as committed, attempted or provoked by him;
 - * while under the influence of alcohol, narcotics, or mind altering substance; or
 - * Acquired Immunodeficiency Syndrome (AIDS) infection by Human Immunodeficiency Virus (HIV) or related conditions.

Note:

The above list is non-exhaustive. Please refer to your certificate for the full list of exclusions under this plan.

8. Can I cancel my certificate?

Yes, you may surrender/cancel the certificate for its cash value. However, participating in a family takaful plan is a long term financial commitment. The cash amount that We will pay you when you surrender/cancel the certificate before the maturity period might be less than the total amount of contribution that you have paid. Cancellation of this plan is subject to consent from the master certificate owner.

9. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform Us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

10. Where can I get further information?

Should you require additional information about family takaful, please refer to the booklet on 'Family Takaful' available at all Our branches.

If you have any queries, please contact Us at:

Customer Service Unit (CSU)

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)]

27th Floor, Annexe Block,

Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300 88 252 385

Email: csu@takaful-malaysia.com.my

11. Other similar types of family takaful cover available.

Please refer to Our branches or the intermediary for other similar types of plans offered by Us.

IMPORTANT NOTES:

YOU SHOULD SATISFY YOURSELF THAT THIS PLAN WILL BEST SERVE YOUR NEEDS. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND DISCUSS WITH THE INTERMEDIARY OR CONTACT TAKAFUL MALAYSIA DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)] is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 20 February 2024.

THE BENEFIT(S) PAYABLE UNDER ELIGIBLE CERTIFICATE IS PROTECTED BY PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) UP TO LIMITS. PLEASE REFER TO PIDM'S TAKAFUL AND INSURANCE BENEFITS PROTECTION SYSTEM ("TIPS") BROCHURE OR CONTACT TAKAFUL MALAYSIA OR PIDM (VISIT WWW.PIDM.GOV.MY).

Baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful myMortgage. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Apakah ciri-ciri pelan ini?

- * Ini adalah pelan takaful keluarga individu dengan caruman tunggal yang memberi perlindungan Takaful dengan jumlah perlindungan yang berkurangan sepanjang tempoh sijil. Ia akan membayar jumlah perlindungan yang tetap apabila berlaku kematian atau Keilatan Menyeluruh dan Kekal ("KMK") kepada orang yang dilindungi.
- * Ketika serahan sijil, sebarang baki Akaun Peserta ("AP") selepas ditolak caj serahan akan dibayar.
- * Apabila sijil matang, sebarang baki AP akan dibayar.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Pelan ini menggunakan konsep-konsep Syariah berikut:

- Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah pelan ini, peserta menderma sebahagian daripada jumlah caruman ke dalam Akaun Khas Peserta ("AKP") untuk membantu peserta-peserta lain.
- Wakalah** merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Di bawah pelan ini, peserta memberi kuasa kepada Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia" atau "Kami") untuk menguruskan AP dan AKP. Sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.
- Ju'alah** merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang telah berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah pelan ini, peserta membenarkan Takaful Malaysia untuk menerima sebahagian daripada keuntungan pelaburan daripada AP sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan AP yang menghasilkan keuntungan.
- Qard** merujuk kepada sebuah kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah pelan ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam AKP tanpa faedah sekiranya AKP mengalami defisit.
- Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik aset dari penderma kepada penerima tanpa apa-apa balasan. Di bawah pelan ini, penama boleh menerima pembayaran manfaat berdasarkan Hibah sekiranya penama adalah benefisiari di bawah Hibah bersyarat.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

- * Pelan ini memberi jumlah perlindungan bagi kematian atau KMK ketika tempoh perlindungan.
- * Sila rujuk kepada 'Jadual Jumlah Perlindungan' dalam sijil anda untuk jumlah perlindungan yang dibayar sekiranya kejadian tuntutan yang sah berlaku.
- * Sila rujuk kepada sijil anda untuk tempoh perlindungan.

4. Berapakah jumlah caruman yang perlu saya bayar?

- * Jumlah caruman yang perlu dibayar dan terma-terma sijil mungkin berubah mengikut syarat-syarat pengunderaitan Kami.
- * Tempoh caruman: Caruman tunggal pada permulaan sijil.

5. Apakah caj-caj dan yuran-yuran yang perlu saya bayar?

- * Yuran Wakalah untuk pembayaran komisen / yuran pengurusan dan perbelanjaan lain.

- * Caj serahan sebanyak RM100 ketika serahan sijil.
- * Sila rujuk kepada sijil anda untuk amaun yuran-yuran dan caj-caj di bawah pelan ini.

6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

- * **Tanggungjawab Pendedahan** - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon pelan ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk tidak membuat pernyataan yang salah semasa anda menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau semasa anda memohon pelan ini). Anda mesti menjawab soalan-soalan dengan sepenuhnya dan setepatnya. Kegagalan untuk mengambil langkah yang sewajarnya semasa anda memohon pelan ini, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajiban pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Sebagai tambahan semasa anda menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau semasa anda memohon pelan ini), anda juga dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam borang cadangan (atau semasa anda memohon pelan ini) tidak tepat atau sudah berubah.
- * **Tempoh Penelitian Percuma** - Anda boleh membatalkan pelan ini dengan memulangkan sijil dalam tempoh lima belas (15) hari kalendar selepas sijil diterima oleh anda. Caruman yang anda telah bayar (ditolak dengan sebarang yuran perubatan yang telah dikenakan) akan dibayar balik kepada anda. Pembatalan pelan ini adalah bergantung kepada persetujuan daripada pemilik sijil induk.
- * Sebarang amaun terhutang kepada Takaful Malaysia akan ditolak terlebih dahulu daripada manfaat yang dibayar.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil anda untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah pelan ini.

7. Apakah pengecualian utama bagi pelan ini?

- * Kematian
 - * Bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tahun pertama (1) dari tarikh kuat kuasa; atau
- * KMK
 - * KMK yang telah wujud sebelum atau pada tarikh kuat kuasa;
 - * Disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana punca berikut:
 - * cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan ketika waras atau tidak waras;
 - * penerbangan, peluncuran atau sebarang jenis penerbangan di udara lain selain dari seorang juruterbang, anak kapal atau penumpang bertambang biasa syarikat penerbangan yang diiktiraf atau perkhidmatan sewa khas;
 - * peperangan (yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), revolusi atau sebarang operasi berunsur peperangan;
 - * pelanggaran undang-undang oleh orang yang dilindungi atau sebarang serangan atau kejahatan yang dilakukan, dicuba atau diprovokasi olehnya;
 - * semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan pengubah minda; atau
 - * Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau keadaan yang berkaitan.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil anda untuk senarai penuh pengecualian di bawah pelan ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh menyerahkan/membatalkan sijil untuk mendapatkan nilai tunainya. Walau bagaimanapun, menyertai pelan takaful keluarga adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Amaun tunai yang akan Kami bayar apabila anda menyerahkan/membatalkan sijil sebelum tempoh matang mungkin kurang daripada jumlah caruman yang telah dibayar. Pembatalan pelan ini adalah tertakluk kepada persetujuan daripada pemilik sijil induk.

9. Apa yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda untuk memberitahu Kami sekiranya terdapat sebarang perubahan ke atas maklumat untuk dihubungi anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada masa yang ditetapkan.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful keluarga, sila rujuk kepada buku panduan mengenai 'Takaful Keluarga' yang terdapat di semua cawangan Kami. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Unit Khidmat Pelanggan (UKP)

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)]

Tingkat 27, Blok Annex,

Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300 88 252 385

E-mel: csu@takaful-malaysia.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan takaful keluarga yang disediakan.

Sila ajukan pertanyaan kepada cawangan Kami atau pengantara untuk lain-lain jenis pelan yang serupa yang ditawarkan oleh Kami.

NOTA PENTING:

ANDA PERLU MEMASTIKAN BAHAWA PELAN INI ADALAH YANG TERBAIK DAN MENEPATI KEPERLUAN ANDA. ANDA HARUSLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA ATAU MENGHUBUNGI TERUS TAKAFUL MALAYSIA UNTUK MAKLUMAT LEBIH LANJUT.

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan dalam helaian penerangan ini adalah berkuat kuasa pada 20 Februari 2024.

MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH SIJIL YANG LAYAK ADALAH DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SEHINGGA HAD PERLINDUNGAN. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS ("[TIPS](#)") PIDM ATAU HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA ATAU PIDM (LAYARI WWW.PIDM.GOV.MY).